

NKF perkenal kek bulan untuk kumpul dana

SEMPENA sambutan Pesta Tanglung kali ini, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) tampil dengan buah tangan berupa kek bulan rendah gula untuk aktiviti amal mereka.

Pesta itu akan disambut pada 15 September ini iaitu bersamaan dengan hari ke-15 dalam bulan kelapan menurut kalendar Lunar.

Setiap tahun, NKF akan melancarkan beberapa jenis kuih bulan bagi mengutip dana untuk membantu pesakit buah pinggang dalam kalangan orang kurang berkemampuan.

Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee berkata, pihaknya sangat berbangga dengan sokongan yang ditunjukkan oleh orang ramai dalam menghulurkan sumbangan untuk disalurkan kepada 1,500 pesakit dialisis di bawah jagaan pihaknya.

“Kek bulan yang kami hasilkan ini disahkan halal dan ia boleh dijadikan hidangan istimewa bagi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama dalam meraikan sambutan Pesta Tanglung pada kali ini.

“Tambahan pula, ia dihasilkan dengan

kandungan rendah gula dan sangat sesuai untuk mereka yang mementingkan penjagaan kesihatan,” katanya.

Jelas Hong Wee lagi, kek bulan yang ditawarkan pada tahun ini didatangkan dengan tiga rekaan berbeza yang dibungkus dan diinspirasikan daripada semangat sebenar sambutan Pesta Tanglung termasuk jambangan bunga musim luruh sehingga kepada Arnab Jade.

Kesemua kek bulan itu turut dibungkus ke dalam kotak yang mempunyai tiga set berbeza.

Bagi kotak A, ia mengandungi empat kek bulan berbeza jenis seberat 180 gram setiap satu iaitu Lotus Paste, Lotus 1 Yolk, Golden Jade 1 Yolk dan kacang merah pada harga RM68 sekotak.

Kotak B pula mengandungi set kek bulan seberat sekilo merangkumi Lotus Emperor 4 Yolk atau Golden Jade King 4 Yolk pada harga RM88 sekotak.

Kotak C pula adalah set Premium Rabbit yang mengandungi Lotus Paste 2 Yolks, Black Sesame Lotus 1 Yolk dan Green Scenery serta campuran

KUIH bulan yang dihasilkan NKF diiktiraf halal dan rendah kandungan gula.



buah-buahan dan kacang yang dijual pada harga RM98 sekotak.

Kesemua hasil jualan akan disalurkan bagi menanggung kos rawatan dan sokongan kepada pesakit dialisis kurang berkemampuan selain sebagai dana NKF untuk melaksanakan kempen kesedaran kepentingan penjagaan buah pinggang terhadap seluruh anggota masyarakat.

Orang ramai yang berminat untuk mendapatkan kek bulan itu boleh membuat tempahan menerusi laman web NKF di www.nkf.org.my.